

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 28.06.2024 MASA: 04.30pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PROGRAM FOREST BATHING SIRI 3 TAHUN 2024

TARIKH / MASA / TEMPAT

29 JUN 2024 (SABTU)
8.00 PAGI

TAMAN RIMBA CHEROK TO'KUN
BUKIT MERTAJAM
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Pn Normahani Binti Muhammad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam **Program Forest Bathing Siri 3 Tahun 2024 di Taman Rimba Cherok To'kun, Bukit Mertajam.**
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; para pengunjung dan penduduk setempat; serta para peserta Program *Forest Bathing* yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi yang berbahagia ini. Penghargaan juga kepada urusetia penganjuran program ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.
3. Selaras dengan pelaksanaan strategik “Gaya Hidup Sihat” dalam Pelan Strategik Seberang Perai Tahun 2023 – 2030, pelbagai manfaat kesihatan dan rekreasi dapat diperolehi melalui program *Forest Bathing* ini. Pelaksanaan program *Forest Bathing* ini juga adalah sejajar dengan Wawasan Kerajaan Negeri iaitu *Penang 2030 A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation.*
4. Program ini bersifat ‘people centric’ dan melibatkan komuniti setempat, warga tua dan kanak-kanak. *Forest Bathing* membawa

maksud menghirup udara segar di hutan. Ianya telah diperkenalkan di Negara Jepun pada tahun 1980an dengan gelaran dalam bahasa Jepun sebagai “*Shinrin-Yoku*” dan telah menjadi asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun. Ianya merupakan satu aktiviti riadah / rekreasi ringkas yang melibatkan lawatan singkat dan santai ke kawasan hutan hijau sediada.

5. Program *Forest Bathing* merupakan aktiviti yang tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak menggunakan wang ringgit tetapi dapat menyihatkan tubuh badan. Selain itu juga, aktiviti *Forest Bathing* ini boleh dilaksanakan bersama keluarga sekaligus dapat mengeratkan silaturahim sesama keluarga.
6. Tahun ini (2024), MBSP telah merancang penganjuran Program *Forest Bathing* di enam (6) lokasi dan hari ini merupakan lokasi *Forest Bathing* yang ketiga, iaitu di Taman Rimba Cherok To’kun, Bukit Mertajam.
7. Program ini dianjurkan secara percuma yang meliputi ketiga-tiga daerah dan terbuka kepada seluruh penduduk Seberang Perai. Peserta yang terlibat dalam program hari ini adalah terdiri dari Ahli-Ahli Majlis MBSP, Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, kakitangan MBSP, Agensi-Agenzi Kerajaan / Swasta; penduduk setempat dan orang awam yang dianggarkan seramai lebih kurang 200 peserta.

8. Kawasan Taman Rimba Cherok To'kun, Bukit Mertajam yang berstatus hutan lipur ini mempunyai keluasan lebih kurang 37 hektar dengan puncak tertinggi mencapai 545 meter dari aras laut. Taman Rimba ini masih mempunyai pokok-pokok dan tumbuhan asal seperti Meranti Seraya "*Shorea curtisi*" dan Meranti Rambai Daun "*Shorea acuminata*".
9. Di antara daya tarikan utama Taman Rimba adalah aktiviti-aktiviti lasak seperti pendakian bukit ke puncak melalui "*Jeep Track*" atau denai hutan dan aktiviti "*downhill mountain bike*". Ini melibatkan jarak 3.5km dari bawah dan akan mengambil masa melebihi satu (1) jam bagi pendaki bertaraf sederhana untuk sampai ke Stesyen 3.
10. Sepanjang laluan pengunjung akan dihiburkan dengan kicauan unggas, serangga eksotik serta dapat menikmati keindahan pemandangan dari puncak. Aktiviti-aktiviti lain yang gemar dilakukan oleh pengunjung adalah berkelah dan mandi-manda. Terdapat beberapa buah kolam mandi dibangunkan untuk orang awam bagi tujuan mandi-manda di hutan lipur ini.
11. Antara kemudahan yang disediakan di Taman Rimba Cherok To'kun Bukit Mertajam, adalah kerusi taman, dewan, tandas, laluan pejalan kaki (laluan bertar), wakaf, alat senaman, alat permainan, tempat letak kereta dan surau.

12. Kesemua kemudahan infrastruktur yang disediakan di sini adalah untuk memberi kesenangan, keselesaan dan memudahkan setiap pengunjung yang melawat taman ini. Oleh itu, saya menyeru kepada para pengunjung dan penduduk atau komuniti setempat untuk bersama-sama dengan MBSP menjaga kemudahan yang disediakan di Taman Rimba Cherok To'kun ini dan mengelakkan perlakuan vandalisma. Jagalah kesemua infrastruktur dan kemudahan yang disediakan di sini, sebagaimana kita menjaga harta kita sendiri. Merosakkan harta awam ini umpama menjelaskan kualiti hidup masing-masing kerana kemudahan awam disediakan bagi manfaat seluruh masyarakat. Semoga kemudahan yang disediakan di sini memberi manfaat kepada anda semua.
13. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, pihak urusetia program, semua agensi yang terlibat, dan para penduduk setempat serta para hadirin sekalian yang memberikan komitmen penuh serta bertungkus lumus dalam menjayakan Program *Forest Bathing* pada pagi ini. Marilah kita sama-sama menikmati keindahan alam semulajadi, menghirup udara segar sambil bersenam di laluan Forest Bathing pagi ini di samping memainkan peranan dalam penjagaan alam sekitar.
14. Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis MBSP, badan-badan korporat dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam usaha

membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat

15. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, dapat menzahirkan "**Seberang Perai-Aspiring City of Tomorrow**".
16. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmaanirrahim**, sukacitanya saya melancarkan **Program Forest Bathing Siri 3 Tahun 2024** di **Taman Rimba Cherok To'Kun, Bukit Mertajam**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.